

## **KONSEP KESENIAN ISLAM: PRINSIP KESENIAN BERLANDASKAN AL-QURAN DAN AS-SUNNAH**

Amatillah 'Aqilah binti Mohd Zaki<sup>1</sup>  
Ainul Fitriyah binti Mad Hajat Din<sup>2</sup>  
Zainatul Fathonah binti Shahrudin<sup>3</sup>  
Sukhairu bin Sulaiman<sup>4</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,  
(E-mail: [amatillahzaki@raudah.usim.edu.my](mailto:amatillahzaki@raudah.usim.edu.my))

<sup>2</sup>Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,  
(E-mail: [ainulfitriyah@raudah.usim.edu.my](mailto:ainulfitriyah@raudah.usim.edu.my))

<sup>3</sup>Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,  
(E-mail: [zainatulfathonah@raudah.usim.edu.my](mailto:zainatulfathonah@raudah.usim.edu.my))

<sup>4</sup>Darul Quran JAKIM, Malaysia, (E-mail: [sukhairu@islam.gov.my](mailto:sukhairu@islam.gov.my))

### **ABSTRAK**

Kesenian adalah sebahagian daripada hiburan hasil dari keindahan dalam jiwa manusia. Hal ini telah menjadikan kesenian sebagai salah satu unsur kebudayaan dalam masyarakat sama ada dari segi sistem keagamaan, sistem sosial ataupun sebagai sarana hiburan. Kepelbagaian agama dan bangsa telah melahirkan kesenian yang pelbagai dalam sesebuah masyarakat. Pemahaman kesenian berlandaskan Al-Quran dan As-Sunnah penting kerana Islam telah menggariskan polisi yang lengkap bukan sahaja dalam perkara ibadah malah meliputi segala aspek kehidupan. Oleh itu, objektif utama kajian ini adalah untuk mengenalpasti konsep kesenian sebagai satu budaya dalam kehidupan masyarakat. Selain itu, pengkaji juga akan mengkaji kesenian yang terdapat dalam Islam seterusnya menganalisis prinsip kesenian berlandaskan Al-Quran dan As-Sunnah. Hasil kajian mendapati bahawa kesenian berpandukan Al-Quran Dan As-Sunnah mampu membimbing masyarakat supaya kesenian tersebut dapat memberi kemaslahatan kepada rakyat dan dalam masa yang sama dapat mengekalkan nilai-nilai kesenian yang tidak bertentangan dengan Islam. Metodologi kajian ini berbentuk kajian kualitatif dan kepustakaan. Oleh yang demikian, dapat kita fahami bahawa prinsip kesenian Islam merupakan sebuah elemen yang sangat penting disamping dapat memberi pandangan yang lebih jelas berkaitan konsep kesenian dalam Islam.

**Kata Kunci:** Kesenian, Islam, Konsep, Prinsip, Al-Quran & As-Sunnah

### **Pengenalan**

Seni adalah keindahan dan kehalusan yang wujud dari jiwa manusia hasil dari dorongan yang merupakan naluri manusia ataupun fitrah yang dianugerahkan Allah kepada hamba-hambanya. Oleh yang demikian, adalah menjadi fitrah semula jadi bagi setiap manusia itu suka kepada sesuatu yang indah dan mempesonakan. Al-Farabi menjelaskan seni sebagai ciptaan yang berbentuk keindahan, manakala Al-Ghazali pula menjelaskan seni dengan maksud kerja yang berkaitan dengan rasa jiwa manusia yang sesuai dengan fitrahnya. Tambahan pula, kemampuan

dalam kesenian merupakan salah satu perkara yang membezakan manusia dengan makhluk lain. Seni tidak asing dalam Islam kerana Islam itu sendiri adalah indah. Oleh hal yang demikian, Islam menggalakan kesenian kerana Islam adalah agama yang nyata (waqi') dan sesuai dengan fitrah manusia, pada semua tempat, zaman dan situasi menepati citarasa, kehendak, sifat, keinginan, nafsu, perasaan dan akal fikiran manusia. Tambahan pula kesenian dan agama merupakan perkara yang tidak boleh dipisahkan. Tanpa agama manusia bebas melakukan seni apapun tanpa memikirkan sama ada selari dengan syariat atau bertentangan dengannya. Perkara ini jika tidak dibendung akan menyebabkan manusia hidup dalam kesesatan dan kemurkaan. Oleh hal yang demikian, Al-Quran dan As-Sunnah telah menjadi panduan utama dalam kehidupan manusia termasuklah untuk memahami konsep kesenian menurut Islam dan garis-garis panduan yang perlu dirujuk oleh para seniman.

## **Kajian Lepas**

Kajian lepas ini bertujuan untuk mengkaji konsep kesenian menurut Islam dan sumbangannya terhadap penyebaran Islam. Hasil kajian lepas adalah seperti berikut:

### ***Konsep Kesenian Menurut Islam***

Kajian yang dijalankan oleh Akhmad Akromusyuhada (2018) adalah untuk menjelaskan tentang perpektif Al Quran dan Hadith terhadap seni. Berdasarkan kajian ini, seni merupakan realisasi diri dari rasa dan perasaan yang telah dianugerahkan Allah dan nilai-nilai KeEsaan Allah juga merupakan perpektif tentang sebuah seni itu sendiri dimana Allah adalah Keagungan. Seni dari perspektif Al-Quran dan As-Sunnah pula terbahagi kepada dua pendapat iaitu pendapat yang membenarkan dan ada yang tidak membenarkannya. Kelompok yang membenarkan ialah kelompok yang merujuk kepada surah ar Rum ayat 30 yang menjelaskan tentang “fitrah” dimana seni adalah sebuah fitrah dari diri manusia, itulah yang menjadikan kedudukan manusia dan makhluk Allah yang lainnya berbeza manakala dalil yang tidak membenarkan adalah dari hadith riwayat Bukhari yang bermaksud “Sesungguhnya orang-orang yang membuat lukisan ini akan disiksa di hari kiamat nanti, lalu diperintahkan kepada mereka, ‘Hidupkan apa yang kalian ciptakan itu’. Seni dari perspektif Islam pula tidak memberikan sebuah pemahaman atau teori dan ajaran yang specific dan terperinci tentang seni dengan bentuk – bentuk turunannya, Selama tidak bertentangan dengan syariat dan mengagungkan Allah SWT maka itu diperbolehkan. Metodologi yang digunakan ialahg penelitian studi literatur dengan mencari referensi teori yang relefan dengan isu dan permasalahan yang ditemukan.

Kajian oleh Adli Yaakob (2021) adalah mengenai mengenai 'Konsep sastera Islam' yang dicetuskan oleh Tan Sri Prof. Dr. Mohd. Kamal Hassan. Berdasarkan Tan Sri Prof Dr Mohd Kamal Hassan, sastera Islam adalah satu cabang keindahan manakala keindahan yang mutlak ialah dari Allah kepada alam ini yang merupakan “nur” yang menerangi langit dan bumi. Oleh yang demikian terdapat empat perkara penting yang perlu difahami apabila membicarakan tentang sastera Islam; pertama; sekiranya ingin memahami seni, setiap perbandingan dengan idea seni sebagaimana yang difahami oleh dunia barat perlu dilihat

dari kacamata yang berbeza. Kedua; dalam budaya Islam tujuan asasi darinya ialah untuk kemajuan manusia dan ianya tidak termasuk budaya oleh kelompok-kelompok manusia tertentu dalam masa-masa yang tertentu yang menganut agama Islam tetapi melahirkan kebudayaan yang tidak menyumbang kepada kemajuan manusia. Ketiga; kebudayaan Islam tidak bertujuan memperelok atau memperhalus barang-barang tambahan dalam kehidupan manusia. Keempat; kebudayaan Islam mempunyai kaitan yang amat rapat dengan agama. Oleh yang demikian seniman perlulah menyerlahkan “kemanusiaan ketuhanan” dalam karyanya. Hal ini kerana Allah adalah sumber keindahan penghasilan segala bentuk seni yang terangkum di dalamnya “kebudayaan” perlu dilaksanakan dengan penuh amanah dan tanggungjawab sesuai dengan tugasnya sebagai pemegang amanah Allah S.W.T. Mengikut pandangan Kamal Hassan sastera Islam perlu mempunyai unsur kebenaran, kebaikan dan keindahan bahasa di samping ia membawa fikrah untuk kemajuan umat sejagat.

Penulisan Noor Hisham Md Nawi et al (2019) ini menggunakan metodologi inkuiri falsafah dialektik dalam meneroka makna seni, maksud perlambangan dalam seni dan fungsi serta peranan seni dalam kehidupan. Berdasarkan kajian, didapati bahawa Konsep keindahan bukan hanya isu estetika semata kerana konsep keindahan tidak boleh dipisahkan dengan aspek nilai baik dan buruk. Seni yang benar akan menghubungkan manusia dengan tuhan, alam sekitar dan sesama manusia dan juga makhluk lain. Oleh yang demikian seni boleh merupakan salah satu medium untuk meningkatkan ketaqwaan kepadaNya.

### ***Sumbangan Seni didalam Islam***

Kajian Mohd Fadli Ghani (2019) menekankan bahawa seni merupakan salah satu unsur yang digunakan dalam aktiviti dakwah di Nusantara. Para ulamak telah menggunakan seni sebagai medium dakwah di Nusantara kerana orang melayu telah lama dipengaruhi oleh budaya Hindu-Buddha yang sangat cenderung kepada seni. Hasil dari seni yang dimanfaatkan ini orang Melayu telah dapat diislamkan dengan cara yang harmoni. Hal ini kerana seni Islam merupakan kesenian yang menambahkan pengabdian diri kepada Allah.

Kajian dari Siti Fatimah (2021) membincangkan konsep kesenian dalam tamadun Islam. Hasil kajian mendapati warisan seni tradisi Melayu mengamalkan unsur-unsur seni yang terdapat dalam ketamadunan Islam. Kesenian dalam tamadun Islam mempunyai hubungan dengan penghayatan nilai rohaniah kerana terhasil dari jiwa yang jujur dan tercipta untuk mengekspresikan rasa syukur terhadap Allah SWT. Hal ini kerana dasar seni dan budaya dalam Islam berkait rapat dengan falsafah Islam iaitu Allah SWT adalah penentu segalanya berbeza dengan falsafah barat dan falsafah tamadun lain yang berpendapat bahawa manusia merupakan penentu bagi segala perkara yang berlaku dalam segenap kehidupan mereka. Terdapat dua jenis unsur seni yang wujud dalam ketamadunan Islam dan memberi kesan terhadap perkembangan elemen seni Tamadun Melayu. Pertama adalah unsur bunyi atau suara seperti pengucapan pujian-pujian pada Allah SWT dan pujian terhadap Nabi Muhammad SAW yang dilagukan dalam bahasa Arab dalam muzik tradisi budaya Melayu. Kedua adalah unsur rupa dan jalinan dalam bentuk kaligrafi yang terhasil

dari seni penulisan khat. Pengaruh seni tamadun Islam telah menambah nilai-nilai Islam kedalam warisan tradisi Tamadun Melayu.

Kajian Nor Amalin (2022) yang bertajuk “Pendekatan Dakwah Melalui Kesenian” membincangkan tentang konsep dakwah dan kesenian, kesenian menurut perspektif Islam dan kesenian sebagai pendekatan dakwah melalui analisis dokumen serta hasil kajian dalam bentuk buku dan jurnal. Berdasarkan kajian ini seni dalam konteks Islam terdiri daripada beberapa komponen bersepadu yang saling melengkapi antara satu sama lain iaitu keindahan, unsur moral, kepelbagaian dalam perpaduan, hubungan antara agama, etika, dan estetika. Menyedari kesenian yang mempunyai nilai-nilai keindahan dan berupaya memberi daya tarikan kepada manusia, maka pemanfaatan kesenian dalam dakwah adalah suatu yang cukup signifikan. Hal ini kerana seni berperanan memenuhi tuntutan fitrah manusia malah turut berpotensi besar dalam mempengaruhi pemikiran dan gaya hidup ke arah yang lebih positif. Perkara ini dapat dicapai apabila kesenian menepati batasan syariat serta mengandungi elemen-elemen mendidik. Memetik pandangan yang diberikan oleh Abdul Basit Samat @ Derawi (2014), kesenian boleh dianggap sebagai media dakwah yang menepati uslub-uslub dakwah itu sendiri iaitu hikmah dan nasihat yang baik. Oleh itu kesenian dilihat sebagai salah satu medium dakwah yang berkesan dalam menyebarkan Islam kepada Masyarakat.

Secara Keseluruhannya berdasarkan analisa kajian lepas seni merupakan satu keharusan dalam Islam. Kesenian sangat penting dalam kehidupan kerana ia merupakan fitrah manusia yang suka perkara yang indah. Dalam konteks Islam, seni bukan sahaja melibatkan keindahan tetapi turut menekankan nilai-nilai rohani serta selari dengan syariat Islam. Kesenian Islam juga telah menjadi satu medium penyeruan manusia kepada mengagungkan Allah. Walaubagaimanapun kami dapati terdapat kelompongan didalam kajian-kajian lepas iaitu tidak ada yang menetapkan prinsip-prinsip kesenian Islam berlandaskan Al-Quran dan As-Sunnah.

### **Konsep Kesenian Islam**

Kesenian berasal daripada perkataan Latin yang membawa maksud Kemahiran, Cara atau Kaedah (skill, way or method). Berdasarkan Kamus Dewan Bahasa Dan Pustaka Edisi Keempat, kesenian merupakan perihal seni yang berkaitan dengan seni, keindahan dan kehalusan. Kesenian mengikut definisi Herberth Read pula adalah suatu usaha untuk mencipta bentuk-bentuk yang menyenangkan dan seni itu dijalankan pula daripada estetika. Sejarah perkembangan dan penghasilan karya seni visual memang tidak dapat dipisahkan dengan aktiviti kehidupan manusia Hal ini kerana seni ini wujud dalam diri manusia hasil dari fitrah manusia yang suka dan cinta akan keindahan. Seni adalah sesuatu yang bersifat abstrak, dapat dipandang, didengar dan disentuh oleh jiwa tetapi tidak dapat dinyatakan melalui kata-kata dan bahasa. Seni bertindak sebagai cermin kepada budaya manusia khususnya dalam memaparkan nilai ketamadunan manusia pada eranya.

Mengikut kebudayaan barat, seni sebenarnya tiada hubungan dengan agama. Ini adalah disebabkan oleh dasar sekularisme yang mengasingkan hal keduniaan dengan agama. Walau

bagaimanapun, seni masih dianggap sebagai sesuatu yang ideal dan berkaitan dengan moral. Seni juga boleh dibahagi dengan dua tujuan iaitu seni untuk seni dan seni untuk masyarakat, di mana seni untuk seni adalah bertujuan untuk seni sahaja dan orang mencipta seni ini dibebaskan untuk apa-apa tujuan sama ada mengandungi unsur baik atau jahat. Manakala seni untuk masyarakat pula menyatakan bahawa seni dicipta untuk sesuatu tujuan maka ianya mestilah difahami oleh masyarakat yang digunakan untuk kemasyarakatan, politik dan akhlak.

Kesenian menurut Islam pula adalah sebahagian daripada kebudayaan yang dicetuskan oleh sesuatu kelompok manusia kerana setiap kelompok masyarakat mempunyai fitrah semulajadi yang cinta kepada seni yang menyenangkan hati melalui pancaindera yang lima. Kesenian Islam adalah sumber daripada wahyu Allah sebagai contoh undang-undang dan syariat Allah. Oleh itu, ia mesti berada dalam lingkungan dan peraturan wahyu. Ini yang membezakan seni Islam dengan seni bukan Islam. Sebagai umat Islam, kita hendaklah menjadikan Al-Quran, dan As-Sunnah sebagai pegangan dan sumber rujukan utama dalam seni. Setiap garis panduan yang terkandung dalam wahyu Allah yakni al-quran adalah sempurna dan bersesuaian dengan fitrah manusia pada setiap masa dan keadaan kerana Islam itu adalah syumul yang bermaksud sempurna atau halus. Islam dan kesenian merupakan perkara yang tidak boleh dipisahkan. Hal ini kerana Allah juga suka akan keindahan berdasarkan sabda Nabi s.a.w mafhumnya “Sesungguhnya Allah itu cantik dan Allah suka yang cantik” (Hadis Riwayat Muslim). Kata Sidi Gazalba kesenian Islam merupakan seni yang bukan sahaja mempunyai nilai estetika namun turut disertai dengan nilai etika.

Oleh yang demikian, Kesenian merupakan sebahagian daripada kebudayaan Islam dan menjadi satu keharusan dalam Islam. Namun begitu, seni dalam Islam bukan sebagaimana tanggapan dan pegangan ‘bebas agama dan sifar nilai’ yang mengetepikan etika agama sebagai ‘roh’ seni’ yang seharusnya ditaati. Malah Kesenian dalam Islam perlulah keindahan yang menepati dengan kehendak syariat Islam. Hal ini telah menjadikan seni Islam berbeza dengan yang lain secara tidak langsung mengangkat martabat nilai seni itu sendiri. Tambahan pula, seni merupakan salah satu unsur yang menyumbang kepada tamadun Islam. Walaupun seni merupakan salah satu unsur yang sumbangan dalam tamadun Islam tetapi Allah melarang penciptaan seni yang melampaui batas. Firman Allah SWT yang bermaksud "Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang yang melampaui batas."

### **Prinsip-Prinsip Kesenian Islam**

Agama Islam tidak menolak kesenian kerana keindahan merupakan sebahagian daripada seni. Namun begitu ini tidak bermakna Islam menerima segala bentuk seni yang dihasilkan oleh manusia. Terdapat beberapa prinsip yang perlu dipatuhi oleh para seniman muslim ketika menghasilkan seni supaya kesenian yang dihasilkan tidak bertentangan dengan Islam. Prinsip adalah asas atau dasar (yang menjadi pokok sesuatu pemikiran, kajian, tindakan dan sebagainya), hukum (sesuatu teori). Maka prinsip kesenian dalam Islam ialah asas garis panduan supaya kesenian tersebut selari dengan kehendak agama. Antara prinsip-prinsip tersebut ialah:

1) Unsur kesenian yang selari dengan syariat Islam

Kesenian menurut Islam ialah hasil karya yang diciptakan dengan menggunakan bakat dan kreativiti manusia bagi menzahirkan keindahan dan kehalusan yang menepati syarak. Islam merupakan sebuah agama pertengahan yang amat menekankan aspek spiritualiti dan pembangunan rohani, tapi pada masa sama turut membenarkan penganutnya berhibur dan berseronok, selagi mana ia tidak melampaui batas-batas syarak. Kesenian perlulah selari dengan syariat Islam supaya tidak bergelumang dengan dosa dan berada didalam kesesatan. Kesenian yang membawa unsur keagamaan dari agama yang lain adalah diharamkan didalam Islam. Sebagai contoh haram bagi seorang Muslim memakai bindi yang merupakan perhiasan yang sangat penting bagi penganut agama Hindu kerana membawa maksud sebagai mistik mata ketiga bagi seseorang. Hal ini kerana Baginda Nabi SAW melarang menyerupai golongan kafir di dalam hal syiar atau identiti agama mereka. Buktinya adalah melalui mafhum hadis daripada Ibnu Umar RA bahawa Baginda Nabi SAW bersabda “Barangsiapa yang menyerupai sesuatu kaum dia adalah dari kalangan mereka.” (Hadis Riwayat Abu Daud).

2) Keindahan yang bermanfaat

Islam amat menggalakkan umatnya melakukan perkara yang bermanfaat dan meninggalkan perkara yang tidak berfaedah. Seni dalam Islam merupakan Seni yang bermatlamat. Oleh itu, manusia sewajarnya menggunakan seni mengikut fitrah yang sedia ada berpandukan kepada syariat, demi kesejahteraan jiwa dan masyarakat. Kesenian dalam Islam tidak bermatlamatkan hiburan semata-mata malah melalui kesenian, Islam dapat disebarluaskan diseluruh pelusuk dunia disamping berperanan memenuhi tuntutan fitrah manusia. Sebagai contoh kesenian telah menjadi medium mengagungkan kebesaran Allah secara tidak langsung membawa manusia kearah mentauhidkan Allah. Tambahan pula Islam juga menyeru umatnya meninggalkan perkara yang tidak bermanfaat. Ini berdasarkan mafhum hadith yang diriwayatkan oleh Al-Tarmizi Daripada Abu Hurairah R.A beliau berkata: Rasulullah S.A.W telah bersabda: Sebahagian daripada keelokan seorang mukmin ialah meninggalkan apa yang tidak berfaedah baginya.

3) Kepelbagaian dalam kesatuan

Agama Islam merupakan agama sempurna yang menyatukan umat manusia. Hal ini kerana umat Islam pada asanya merupakan umat yang disifatkan sebagai sebuah umat yang satu. Ini berdasarkan firman Allah SWT dalam surah al Anbiya’, yang bermaksud” Sesungguhnya ini adalah umat kamu umat yang satu dan Aku adalah tuhan kamu maka beribadahlah (kepada-Ku)”. Ibn ‘Abbas R. A dan anak-anak muridnya seperti Mujahid dan Sa’id bin Jubair dalam menafsirkan ayat ini mereka berkata: ‘’Agama kamu adalah agama yang satu’’.Oleh hal yang demikian, Seni yang diciptakan perlulah cenderung kepada penyatuan dan tidak boleh menjadi penyebab kepada perpecahan. Tambahan pula masyarakat hidup dalam bangsa dan agama yang pelbagai. Oleh itu kesenian Islam dapat memberi sumbangan kepada kesatuan hidup setiap umat. Hal ini kerana kesenian Islam bukanlah seni yang mewakili sesebuah negara ataupun bangsa malah umat Islam terutamanya akan kembali pada dasar utama iaitu tauhid. Kesenian yang menjurus kepada kesatuan ini perlu demi menyahut seruan daripada potongan ayat Alquran surah Al-Hujurat ayat 13 yang bermaksud “Sesungguhnya

Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain)”.

4) Seni yang bersifat menyuruh kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran

Seni bukanlah berkaitan nilai estetika sahaja malah seharusnya meliputi aspek yang positif dan bersifat membangunkan akhlak Masyarakat, bukan membawa kemungkaran atau perosak akhlak ummah. Walaupun Islam secara khususnya tidak mengajarkan tentang seni tetapi Alquran telah pun mengungkapkan tentang keindahan yang mana keindahan merupakan sebahagian dari seni. Oleh yang demikian, seni yang berkualiti adalah seni yang menjurus ke arah mentarbiah masyarakat menjadi insan yang beriman, berakhlak, berilmu dan beramal soleh. Ini menunjukkan bahawa kesenian juga boleh menjadi medium dakwah kepada masyarakat. Hal ini kerana dengan menjelmakan nilai-nilai keindahan dalam berdakwah secara tidak langsung menjadikan kesenian itu sebagai salah satu pendekatan dakwah yang menarik dan berkesan. Berdasarkan Abu Laith al-Samarqandi di dalam kitabnya *Tanbih al-Ghafilin* berkata antara syarat seseorang yang menjalankan amar ma’ruf nahi mungkar adalah kasih dan sayang kepada yang diasihati, dengan baik dan ramah mesra dan jangan menggunakan kekerasan. Hal ini secara tidak langsung telah melahirkan keindahan yang bermanfaat kepada umat manusia. Tambahan pula, kini terdapat pelbagai seni yang membawa manusia ke arah penyelewengan akidah terutamanya. Sebagai contoh seni muzik yang mengandungi unsur negatif seperti pemujaan selain Allah. Oleh itu kemasukkan seni dalam konsep dakwah dapat menarik minat masyarakat sekaligus menyahut seruan menyuruh kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran seperti firman Allah surah Lukman ayat 17 yang bermaksud” Dan suruhlah berbuat kebaikan, serta laranglah daripada melakukan perbuatan yang mungkar, dan bersabarlah atas segala bala bencana yang menimpamu”

5) Berpaksikan Akhlak

Apabila memperkatakan konsep seni yang berlandaskan Al-Quran dan As-Sunnah, kita tidak dapat lari daripada membicarakan soal perkaitan di antara seni dengan akhlak. Seni dan akhlak adalah perkara yang saling berkait rapat. Islam mahukan setiap seni yang dicipta itu mengandungi nilai-nilai mulia dan akhlak yang membentuk keperibadian positif manusia. Seni yang tidak bermoral harus ditegah kerana kesenian Islam hanya berpaksikan kepada nilai-nilai aqidah, syariah dan akhlak. Oleh itu, karya seni Islam haruslah memiliki nilai-nilai murni yang melambangkan akhlak atau berbentuk neutral serta bebas daripada nilai-nilai negatif. Hal ini selari dengan hadith Nabi SAW yang mafhumnya “Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia”. Penyempurnaan ini menggambarkan kepada kita bagaimana manusia sememangnya secara fitrahnya sudah dapat membanding bezakan antara akhlak yang mulia dan akhlak yang sebaliknya. Pengutusan nabi adalah untuk menyempurnakan selaras dengan acuan Islam. Tambahan pula dalam setiap kehidupan (interaksi sosial kemasyarakatan) terdapat tata nilai yang saling berpengaruh, yaitu etika, logika, dan estetika. Al-Quran banyak menyebutkan soal akhlak dan etika melalui ayat-ayat yang diturunkan di Mekah dan dikaitkan dengan ketauhidan. Kesenian yang diiringi dengan etika mampu untuk membina pemikiran yang positif, tingkah laku yang baik dan kerohanian yang sempurna.

6) Bersumberkan wahyu

Al Quran dan Sunnah merupakan sumber utama dalam kehidupan umat Islam bukan sahaja dalam aspek akidah tetapi mencakupi segala aspek kehidupan. Perkara ini dikuatkan lagi dengan hadith Nabi S.A.W mafhumnya “Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara dan kamu tidak akan sesat selagimana kamu berpegang dengannya iaitu kitab Allah (al-Qur'an) dan sunnah. Nabi-Nya (Sunnah Nabi SAW)”. Islam mempunyai falsafahnya sendiri tentang kesenian dan kebudayaan. Walaupun keindahan dan kecantikan diterima sebagai suatu kesukaan semulajadi manusia, tetapi ‘kebenaran’ adalah dasar. Ini bermakna kesenian Islam merangkumi bersama nilai-nilai indah (al-Jamal) dengan kebenaran (al-Haqq).Oleh itu keindahan sesuatu seni perlulah diiringan dengan kebenaran yang haq menurut Islam.

### **Penutup**

Secara ringkasnya, terdapat beberapa prinsip kesenian dalam Islam yang menunjukkan kepentingannya kepada seni. Oleh itu, adalah mustahak untuk diketahui bahawa kesenian mempunyai kepentingan yang mendalam dalam kehidupan seseorang. Selain itu, ketauhidan dalam kesenian merupakan suatu konsep yang perlu dititikberatkan. Oleh sebab itu, agama Islam tidak melarang kepada kesenian selagimana kesenian tersebut tidak bertentangan dengan prinsip-prinsip kesenian dalam Islam iaitu Islam mestilah memartabatkan akhlak Islam, meningkatkan nilai kemanusiaan dan perlulah berlandaskan wahyu serta menghubungkan manusia dengan penciptanya manakala peranan kesenian dalam Islam adalah untuk menggiat akal manusia ke arah perkaitan alam rohani dan jasmani. Justeru itu, kesenian dalam Islam adalah bertujuan untuk kebaikan kepada masyarakat, agama, bangsa dan negara serta ummah disamping membina jiwa yang tenang dan khusyuk serta menambahkan ketakwaan kepada Allah SWT.

### **Rujukan**

- Abbas, M. R. (N.D.). *Perkembangan Seni Tarannum Al Quran Dalam Peradaban Islam*. Retrieved From Academia.Edu: [Https://Www.Academia.Edu/22038061/SENI\\_DALAM\\_TAMADUN\\_ISLAM](https://Www.Academia.Edu/22038061/SENI_DALAM_TAMADUN_ISLAM)
- Ahmad Sahlan Abdul Hatim, M. N. (9 Januari, 2023). *Pendekatan Dakwah Kontemporari Melalui Kesenian*. Retrieved From Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari: [Https://Journal.Unisza.Edu.My/Jimk/Index.Php/Jimk](https://Journal.Unisza.Edu.My/Jimk/Index.Php/Jimk)
- Ahmed, I. (N.D.). *Rekonstruktif Persepsi: Memanfaatkan Seni Budaya Dalam Kehidupan Manusia*. Retrieved From Universiti Sains Islam Malaysia: [Https://Www.Usim.Edu.My/Ms/Berita/Faces-Of-Usim-Ms/Rekonstruktif-Persepsi-Memanfaatkan-Seni-Budaya-Dalam-Kehidupan-Manusia-Ismail-Ahmed/](https://Www.Usim.Edu.My/Ms/Berita/Faces-Of-Usim-Ms/Rekonstruktif-Persepsi-Memanfaatkan-Seni-Budaya-Dalam-Kehidupan-Manusia-Ismail-Ahmed/)
- Akromusyuhada, A. (2018). Seni Dalam Perpektif Al Quran Dan Hadist. *Jurnal TAHZIBI*.
- Amalin, N. (14-15 July, 2022). *Pendekatan Dakwah Melalui Kesenian*. Retrieved From Researchgate:

[https://www.researchgate.net/publication/362136090\\_PENDEKATAN\\_DAKWAH\\_MELALUI\\_KESENIAN](https://www.researchgate.net/publication/362136090_PENDEKATAN_DAKWAH_MELALUI_KESENIAN)

ANANDA, K. R. (5 Disember, 2018). *Seni Sebagai Media Dakwah*. Retrieved From Repository IAIN Palopo: [Http://Repository.Iainpalopo.Ac.Id/Id/Eprint/1571/1/KIKI%20RESKI%20ANANDA.Pdf](http://repository.iainpalopo.ac.id/id/eprint/1571/1/KIKI%20RESKI%20ANANDA.Pdf)

Ghani, F. (29 Disember, 2019). *Seni Dan Hiburan Dalam Sejarah Pendakwaan Islam Di Nusantara*. Retrieved From Academia.Edu: [Https://Www.Academia.Edu/40520995/SENI\\_DAN\\_HIBURAN\\_DALAM\\_SEJARAH\\_PENDAKWAHAN\\_ISLAM\\_DI\\_NUSANTARA](https://www.academia.edu/40520995/SENI_DAN_HIBURAN_DALAM_SEJARAH_PENDAKWAHAN_ISLAM_DI_NUSANTARA)

Hashim, Z. A. (2022). *Etika Islam Dalam Membina Peradaban Manusia Yang Cemerlang. Jurnal Pengajian Islam*.

*Kamus Bahasa Melayu*. (N.D.). Retrieved From Dewan Bahasa Dan Pustaka: [Https://Prpm.Dbp.Gov.My/Cari1?Keyword=Prinsip](https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=Prinsip)

*Kamus Bahasa Melayu*. (N.D.). Retrieved From Dewan Bahasa Dan Pustaka: [Https://Prpm.Dbp.Gov.My/Cari1?Keyword=Kesenian&D=175768&](https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=Kesenian&D=175768&)

Nadzirah. (19 Ogos, 2015). *Irsyad Al-Fatwa Ke-76: Syarat Perlaksanaan Nahi Mungkar*. Retrieved From Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan: [Https://Muftiwp.Gov.My/Ms/Artikel/Irsyad-Fatwa/Irsyad-Fatwa-Umum/1918-Irsyad-Fatwa-Ke-76-Syarat-Perlaksanaan-Nahi-Mungkar](https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/1918-irsyad-fatwa-ke-76-syarat-perlaksanaan-nahi-mungkar)

Nafiah, S. F. (2021). *Kesenian Tamadun Islam Dalam Warisan Seni Tradisi Melayu. BITARA Journal*.

Nawi, N. H. (2019). *Aksiologi Seni: Perlambangan Dan Kefungsian Dari Perspektif Wahyu*. Retrieved From USIM Reesearch Repository System: [Https://Oarep.Usim.Edu.My/Jspui/Bitstream/123456789/18514/1/Aksiologi%20Seni\\_Perlambangan%20Dan%20Kefungsian%20Dari%20Perspektif%20Wahyu.Pdf](https://oarep.usim.edu.my/jspui/bitstream/123456789/18514/1/Aksiologi%20Seni_Perlambangan%20Dan%20Kefungsian%20Dari%20Perspektif%20Wahyu.Pdf)

Rizali, N. (6 Ogos, 2003). *Seni : Estetika, Logika, Dan Etika*. Retrieved From Academia.Edu: [Https://Www.Academia.Edu/3799311/SENI\\_ESTETIKA\\_LOGIKA\\_Dan\\_ETIKA](https://www.academia.edu/3799311/SENI_ESTETIKA_LOGIKA_Dan_ETIKA)

Rusli, M. F. (24 Disember, 2018). *Bayan Linnas Siri Ke-159: Muktamar ‘Kesatuan Islam: Bahaya Berpuak Dan Berpecah Belah’*. Retrieved From Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan: [Https://Muftiwp.Gov.My/Ms/Perkhidmatan/Artikel-Soal-Jawab/2925-Bayan-Linnas-Siri-Ke-159-Muktamar-Kesatuan-Islam-Bahaya-Berpuak-Dan-Berpecah-Belah](https://muftiwp.gov.my/ms/perkhidmatan/artikel-soal-jawab/2925-bayan-linnas-siri-ke-159-muktamar-kesatuan-islam-bahaya-berpuak-dan-berpecah-belah)

- Tarmizi, L. (1 Ogos , 2018). *Al-Kafi 788: Hukum Memuat Naik Video Isteri Bersalin*. Retrieved From Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan: <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/2533-al-kafi-788-hukum-memuat-naik-video-isteri-bersalin>
- Tarmizi, L. (14 JULY, 2019). *Bayan Linnas Siri Ke-197: Islam Dan Muzik*. Retrieved From Mufti Of Federal Territory's Office: <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/bayan-linnas/3570-bayan-linnas-siri-ke-197-islam-dan-muzik>
- Yusak, W.Z. (2013). *Seni Dalam Islam*. Jabatan Pengajian Politeknik, Kementerian Pengajian Tinggi. Putrajaya.
- Yaacob, A. (2021). Konsep Sastera Islam Oleh Tan Sri Prof. Dr Mohd. *International Journal Ofmodern Trends In Social Sciences* .
- Zakaria, I. (2012). Islam Dan Falsafahnya Dalam Kebudayaan. *Jurnal Hadhari Special Edition (2012) 91-108*.